

Perwakilan PKR Persoal Tindakan Kerajaan Sedia Istiadat Penghormatan Jenazah MH17

Bernama

August 23, 2014

SHAH ALAM, 23 Ogos (Bernama) -- Seorang perwakilan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dari Perak mempersoal tindakan kerajaan menyediakan istiadat penghormatan jenazah untuk menyambut ketibaan 20 mangsa tragedi pesawat Malaysia Airlines (MAS) Penerbangan MH17 semalam.

Laksamana (B) Mohamad Imran Abd Hamid berkata sebaliknya, penghormatan sama tidak diberi kepada anggota tentera yang gugur ketika mempertahankan negara, termasuk dalam insiden pencerobohan Lahad Datu.

"Bukan kita tak puas hati tetapi kita tengok terlebih-lebih untuk meraikan mangsa MH17, sedangkan pejuang kita mati di Lubnan dan Lahad Datu pun tidak ada sambutan yang sebegitu," katanya ketika membahaskan ucapan dasar presiden PKR di kongres parti itu di sini hari ini.

Peristiwa pencerobohan penganas Sulu di Lahad Datu pada awal tahun lepas mengorbankan 10 anggota keselamatan iaitu lapan anggota polis dan dua anggota tentera.

Mohamad Imran, yang juga Anggota Parlimen Lumut, turut mendesak kerajaan menjelaskan rasional di sebalik penggunaan anggota tentera dalam istiadat penghormatan kepada mangsa MH17 itu yang diadakan di Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa KL.

"Apabila kita lihat, kematian 10 perwira kita (di Lahad Datu) disambut secara ala kadar berbanding dengan (sambutan) kematian MH17 yang diatur begitu rapi.

"Yang jadi mangsa (adalah) warga tentera (yang diperlakukan) macam hamba abdi untuk menguruskannya," katanya.

Semalam, jenazah 20 daripada 43 rakyat Malaysia yang terlibat dalam nahas itu diberi penghormatan mengikut istiadat ketenteraan sejurus tiba di Kompleks Bunga Raya, KLIA.

Kerajaan turut mengumumkan semalam sebagai Hari Perkabungan Negara bagi memberi penghormatan kepada kesemua rakyat Malaysia yang terkorban dalam nahas itu.

Penerbangan MH17 sedang dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur ketika terhempas di wilayah Donetsk, timur Ukraine pada 17 Julai lepas.

Pesawat Boeing 777-200 itu, yang membawa 298 penumpang dan anak kapal, telah ditembak jatuh namun sehingga kini, tiada pihak mengaku bertanggungjawab.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1062846>